

Penjawat awam rugi RM58,800 tertipu pelaburan tidak wujud

Mangsa buat beberapa transaksi, tertarik dengan pulangan lumayan

Oleh Kepu Sidi

SARIKEI: Seorang penjawat awam di sini kerugian RM58,800 selepas diperdaya skim pelaburan tidak wujud secara dalam talian.

Ketua Polis Daerah Sarikei Superintenden Aswandy Anis berkata, mangsa, 55, telah membuat laporan berkaitan kejadian itu pada Selasa.

Berdasarkan laporan awal dibuat mangsa katanya, mangsa yang melayari Facebook ketika berada di rumah pada penghujung bulan lalu tertarik dengan satu skim pelaburan atas nama Avatrade.

“Berikutnya itu, mangsa telah menghubungi suspek yang berperanan sebagai ejen

“Mangsa telah menyedari dirinya ditipu setelah pelaburan yang dibuatnya tidak mendapat pulangan seperti dijanjikan dan terus membuat laporan polis.”

Superintenden Aswandy Anis

Ketua Polis Daerah Sarikei

pelaburan dalam skim tersebut dan pada masa yang sama, mangsa telah diarahkan untuk menyertai grup pelaburan di aplikasi Telegram.

“Mangsa yang tertarik dengan skim pelaburan tersebut yang menjanjikan pulangan lumayan telah membuat beberapa transaksi wang secara berperingkat ke beberapa

nombor akaun berbeza dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM58,800,” katanya dalam kenyataan kelmarin.

Menurut Aswandy, mangsa telah membuat transaksi kepada akaun-akaun yang berbeza tersebut sejak penghujung Oktober hingga awal November.

“Mangsa telah menye-

dari dirinya ditipu setelah pelaburan yang dibuatnya tidak mendapat pulangan seperti dijanjikan dan terus membuat laporan polis.

“Sehubungan itu, pihak polis ingin menasihatkan orang ramai agar melabur di platform yang betul yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) serta mendapatkan nasihat daripada ejen yang berdaftar.

“Jangan percaya dengan pelaburan yang menawarkan keuntungan dalam masa yang singkat dan jangan memasukkan wang ke akaun yang tiada kaitan dengan pelaburan yang dibuat,” ujarnya lagi.